

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Khamis, 9 Mei 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2024

Indeks volum Perkhidmatan tumbuh 4.5 peratus pada suku tahun pertama 2024

PUTRAJAYA, 9 MEI 2024 – Indeks volum Perkhidmatan tumbuh 4.5 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan 150.4 mata pada suku tahun pertama 2024. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun pula, indeks ini naik 1.3 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Pertama 2024**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh kenaikan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang tumbuh 4.0 peratus berbanding tahun lepas, diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (6.0%), segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (3.7%) dan segmen Perkhidmatan Lain (6.8%)."

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia menerangkan, “Indeks volum bagi segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 4.0 peratus dengan merekodkan 150.2 mata. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan Perdagangan Borong & Runcit (3.7%), Makanan & Minuman (3.7%) dan Penginapan (12.0%). Pada masa yang sama, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan mencatatkan indeks volum 164.9 mata dengan pertumbuhan 6.0 peratus hasil peningkatan dalam Pengangkutan & Penyimpanan (11.0%) dan Maklumat & Komunikasi (2.9%). Segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan meningkat 3.7 peratus dengan mencatatkan 144.8 mata, disumbangkan oleh pertumbuhan Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (8.6%), Hartanah (9.3%) dan Kewangan & Insurans (0.1%). Segmen Perkhidmatan Lain merekodkan pertumbuhan positif 6.8 peratus berikutan peningkatan dalam Kesihatan Swasta (9.3%), Pendidikan Swasta (7.2%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (3.9%).”

Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun pertama 2024 naik 1.3 peratus (Carta 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa prestasi ini disumbangkan oleh kenaikan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (3.5%), diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (1.2%), segmen Perkhidmatan Lain (2.2%) dan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (0.01%).


Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks volum pelarasan musim meningkat 0.9 peratus berbanding suku tahun keempat 2023. Prestasi ini didorong oleh kenaikan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (1.0%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (1.9%) dan segmen Perkhidmatan Lain (5.1%). Walau bagaimanapun, segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan turun -1.2 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun



Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 MEI 2024**